

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN:

YB Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah yang akan diambil Kerajaan bagi menghadapi musim tengkujuh dan musibah banjir di negeri-negeri Pantai Timur pada akhir tahun ini.

JAWAPAN

**YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) pada 13 September 2021 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah membincangkan mekanisma pengurusan bencana merentasi pelbagai elemen seperti penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan latihan, persiapan tenaga kerja dan bantuan logistik serta bantuan kewangan bagi menghadapi musim tengkujuh yang akan tiba, antaranya seperti berikut:
 - a) SOP dan Latihan:
 - 1) NADMA telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Bencana Semasa Pandemik COVID-19 dan Garis Panduan Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara sewaktu COVID-19; dan
 - 2) Bengkel dan Latihan Simulasi Koordinasi Pengurusan Bencana bagi Persediaan MTL 2021/2022 pada 7 September 2021 telah disertai oleh 300 orang wakil Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan agensi *responder*.
 - b) Bantuan Tenaga Kerja dan Logistik:
 - 1) Kekuatan sumber manusia agensi-agensi *responder* di ketiga-tiga negeri Pantai Timur adalah seramai 13,274 anggota;
 - 2) Kekuatan aset logistik di ketiga-tiga negeri di Pantai Timur ialah 1,531 kenderaan darat dan air serta 6,689

NO. SOALAN: 25

aset bukan kenderaan (jaket keselamatan, set generator dan lain-lain);

- 3) NADMA dan FAMA akan menghantar 8,000 kit makanan ke Pantai Timur untuk Fasa 1 dan Fasa 2 akan dihantar berdasarkan permintaan;
 - 4) Syarikat-syarikat telekomunikasi akan menghebahkan amaran awal bencana melalui sistem Khidmat Pesanan Ringkas (SMS); dan
 - 5) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan sebanyak 5,731 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh negara dengan kapasiti 1.6 juta orang mangsa. Terdapat 1,147 fasiliti disediakan bagi menampung keperluan di kawasan-kawasan berisiko bencana.
- c) Bagi aspek bantuan kewangan, NADMA turut mengoptimalkan perbelanjaan operasi dan pemberian wang ihsan kepada mangsa-mangsa banjir melalui penyelarasan peruntukan Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).
2. NADMA sebagai peneraju serta agensi dan jabatan berkaitan pengurusan bencana negara sentiasa melipat ganda usaha memperkemas persediaan menghadapi musim tengkujuh di samping memastikan stok bantuan kepada mangsa yang terjejas dapat disediakan secara sistematik dan menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN NO. 26

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat menyusutan dalam jumlah kategori M40 dan pertambahan dalam kategori B40. Jika ya, adakah Kerajaan berhasrat untuk membuat pentakrifan semula klasifikasi pengkelasan pendapatan berdasarkan komposisi semasa yang sebenar.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia telah melaksanakan satu kajian bagi menilai kesan pandemik COVID-19 ke atas pendapatan isi rumah dan kemiskinan bagi tahun 2020. Analisis dilaksanakan berdasarkan kepada data dari Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS & BA) 2019. Profil isi rumah 2019 yang kemudian disesuaikan dengan corak taburan isi rumah 2020, telah digunakan dalam kajian ini. Oleh kerana fokus kajian ini adalah bagi melihat kesan pandemik COVID-19 ke atas pendapatan isi

rumah, kajian ini tidak mengeluarkan nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang baharu. Justeru, nilai PGK 2019 masih dikekalkan.

2. Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Ogos 2021, pendapatan purata kasar bulanan isi rumah telah menurun sebanyak 10.3% daripada RM7,901 pada tahun 2019 kepada RM7,089 pada tahun 2020. Manakala, insiden kemiskinan mutlak telah meningkat kepada 8.4% daripada 5.6% pada tempoh yang sama. Isi rumah yang dikategorikan sebagai M40 berdasarkan HIS & BA 2019 juga mengalami penurunan pendapatan di bawah had pendapatan B40 tahun 2020. Berdasarkan laporan yang sama, sebanyak 20.0% atau kira-kira 600,000 isi rumah daripada kumpulan isi rumah M40 yang berpendapatan di antara RM4,850 dan RM10,959 telah beralih kepada had pendapatan di bawah kumpulan B40.

3. Sehubungan itu, kajian semula klasifikasi pendapatan akan dijalankan dalam RMKe-12 mengambil kira Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS & BA) pada tahun 2022 dan Banci Penduduk 2020. Analisis daripada survei ini turut dibuat bukan sahaja di peringkat nasional dan negeri, bahkan sehingga ke peringkat daerah pentadbiran. Ini bagi melihat kesan pandemik secara komprehensif dengan mengambil kira pendapatan isi rumah, demografi, kos sara hidup, harga barangan dan perkhidmatan serta lokasi.

Sekian, terima kasih.